



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

**ARAHAN MENTERI BERKENAAN PEMBATALAN
ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR
FREKUENSI 703 MHz HINGGA 743 MHz BERPASANGAN DENGAN 758 MHz
HINGGA 798 MHz, ARAHAN MENTERI NO. 4 TAHUN 2020**

ARAHAN MENTERI NO. 7 TAHUN 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 dan 8 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ("Akta"), Menteri mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Berkenaan Pembatalan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703 MHz Hingga 743 MHz Berpasangan Dengan 758 MHz Hingga 798 MHz, Arahan Menteri No. 4 Tahun 2020, Arahan Menteri No. 7 Tahun 2020.**
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundungan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Pembatalan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703 MHz Hingga 743 MHz Berpasangan Dengan 758 MHz Hingga 798 MHz, Arahan Menteri No. 4 Tahun 2020

4. Berdasarkan seksyen 7 dan 8 Akta, Menteri dengan ini membatalkan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703 MHz Hingga 743 MHz Berpasangan Dengan 758 MHz Hingga 798 MHz, Arahan Menteri No. 4 Tahun 2020.

Tarikh: 15 JUN 2020
[KKMM-BKM(S)-600-1/6/2 (7)]

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia